

Iklan terbitan USIM antara 10 iklan hari raya popular

NILAI 31 Julai - Iklan Hari Raya Aidilfitri yang diterbitkan syarikat korporat seperti Petronas, Tenaga Nasional Berhad (TNB), Telekom Malaysia (TM) dan stesen televisyen yang memaparkan pelbagai mesej melalui jalan cerita yang lucu, sedih dan berunsur kekeluargaan menjadi perhatian dan mempunyai peminat tersendiri sejak dahulu lagi.

Antara iklan yang mendapat perhatian dan digemari penonton sepanjang Aidilfitri kali ini ialah *Kosong-Kosong: Zizan Razak (Astro)*, *Anugerah (RTM)*, *Sentiasa Bersamamu (TNB)*, *Proton Sepanjang Raya (Proton)*, *Adik (TM)*, *Nissan 2015 dan Kosong-Kosong: Lisa Surihani (Astro)*.

Turut mendapat perhatian ialah iklan terbitan Universiti Sains Islam Malaysia (USIM).

Pengarah Pusat Komunikasi Strategik (StraComm) USIM, Dr. Faizal Kasmani berkata, iklan pihaknya berjudul *Dua Lebih Baik* yang mula dimuat naik ke laman

YouTube pada 21 Julai terus mendapat perhatian pengguna media sosial sehingga tersenarai antara 10 iklan hari raya yang menjadi *trending* di laman sosial.

Ini didapati melalui tinjauan yang dibuat portal berita online *Astro Awani* mulai 26 Julai.

“Walaupun tidak ditayangkan di televisyen, ternyata kemudahan melayari laman media sosial seperti Facebook, Twitter dan Instagram menerusi telefon pintar oleh pengguna terbukti memberi pengaruh yang besar,” kata Faizal kepada *Bernamea*.

Beliau berkata, tinjauan di laman *Astro Awani* sehingga 12 tengah hari ini menunjukkan hasil undian penonton, iklan USIM kekal mendahului pada kedudukan pertama iaitu sebanyak 35.41 peratus diikuti *Sentiasa Bersamamu* (34.24 peratus) dan *Adik* (12.95 peratus).

Iklan *Dua Lebih Baik* yang dihasilkan sekumpulan pelajar kreatif USIM menerusi produksi mereka

Light Motion Production (LMP) mendapat kerjasama teknikal StraComm.

Tema utamanya mengesahkan tentang keinginan seorang pemuda yang berusaha gigih melakukan pelbagai kerja untuk mendapatkan duit bagi membeli sepasang baju Melayu idamannya untuk dipakai pada 1 Syawal.

Pelbagai cabaran dihadapi dengan tabah dan akhirnya dia memperoleh upah yang dikongsi bersama dengan mereka yang kurang bernasib untuk bersama menyambut Aidilfitri.

“Kita tidak menyangka iklan yang dihasilkan ini menjadi kegemaran para penonton. Di peringkat awal, kumpulan pelajar ini membentangkan tiga jalan cerita untuk dijadikan iklan raya USIM pada tahun ini.

“Kita memilih *Dua Lebih Baik* kerana mesej moral dan jalan ceritanya yang dekat di hati masyarakat,” kata Faizal. - **BERNAMA**